

Projek tebatan banjir RM1.7b

KOSMO 22/12/07 MS 4

JELI - Kerajaan telah meluluskan RM1.7 bilion untuk projek tebatan banjir di Sungai Golok dan Sungai Kelantan bagi mengurangkan ancaman banjir, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, ia usaha kerajaan untuk meringankan beban rakyat yang sering menjadi mangsa banjir sehingga menyebabkan kematian dan kerugian harta benda.

"Kita sudah melantik kontraktor untuk melaksanakan projek itu," katanya ketika berucap selepas solat Jumaat di Masjid Jeli semalam.

Kelantan dilanda banjir sejak dua minggu lepas menyebabkan 14 orang mati lemas dan lebih 10,000 terpaksa dipindahkan ke tempat selamat.

Projek itu melibatkan antara lainnya pembinaan Empangan Lebir di Ulu Kelantan bagi mengurangkan kelajuan air di kedua-dua sungai itu, dan meninggikan tebing sungai untuk mengurangkan limpahan air ke kawasan rendah.

Sebelum itu beliau dan rakan sejawatannya dari Thailand, Surayud Chulanont merasmikan jambatan kedua merentasi Sungai Golok yang disiapkan dalam masa 11 bulan dengan kos RM9.2 juta.

Jambatan itu menghubungkan Bukit Bunga, Jeli dan Ban Buketa, Narathiwat dan diharapkan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi lebih pesat di sempadan kedua-dua negara.



DERETAN kenderaan yang terperangkap sejak 11 hari lepas berikutan jalan utama Kuantan-Pekan berdekatan persimpangan Kampung Semangat digenangi air banjir.